

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HKN 403 - Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara I:
Aspek-Aspek Teori dan Kritikan

Tarikh: 5 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Jawab EMPAT (4) soalan. TIGA(3) soalan daripada Bahagian A
dan SATU(1) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Worsley dalam kajiannya mengenai babad Jawa telah membuat kenyataan berikut "The narrative has a logic of its own, it possesses an inner necessity, and a built in propelling force determined by the laws of the story as such."

Bandingkan kenyataan ini dengan penilaian Shelley Errington terhadap sastera sejarah seperti yang dinyatakan dalam Disengagement: Notes on the structure of Narrative in Classical Malay Texts.

2. Dalam menilai kemampuan Bahasa Melayu melahirkan karya sastera, Winstedt membuat satu tanggapan terhadap konsep masa, sejarah dan kemajuan. Beliau menulis "The Malays have been progressing on much the same literary road as ourselves but have not got as far as we have". Dengan mengambil kira keunikan penyataan sastera Melayu, cuba bahaskan pandangan Winstedt di atas dengan memberikan alasan-alasan yang munasabah.
3. Huraikan ciri-ciri utama yang terdapat dalam bentuk penyataan sastera tradisional amnya dan sastera Melayu khasnya. Mengapa bentuk tersebut dikatakan universal sifatnya dan mengapa pula ia dianggap anti moden?
4. Mircea Eliade, A.K. Coomaraswamy dan Frithjof Schuon masing-masing membuat rumusan tentang kesusasteraan klasik sama ada dari segi falsafah pengklasan atau makna-makna disebalik episod-episod dalam kesusasteraan itu. Huraikan serba sedikit pandangan setiap seorang dari mereka dan tunjukkan sejauh mana idea mereka ini dapat dijadikan asas menilai kesusasteraan Melayu.

5. Analisakan teori V. Propp mengenai 'function' dan teori A. Bausani mengenai 'pleroma' dan 'plurality of levels' dalam struktur sastera rakyat Melayu. Bahaskan kesesuaian penggunaan teori-teori tersebut dengan alasan yang sesuai.
6. Sejauh manakah soal perabadan (periodization) itu penting apabila sesuatu teori ingin dikemukakan terhadap kesusasteraan Melayu dan senaraikan ciri-ciri yang berterusan dan yang berubah dalam perabadan kesusasteraan Melayu.

BAHAGIAN B

7. Sejauh manakah sesuainya andaian-andaian psikologi Freud bagi penghuraian karya-karya moden oleh penulis-penulis Islam di Nusantara? Berkaitan dengan soalan tersebut bincangkan dengan kritis ransangan psikologikal dan pencarian keruhanian yang terpancar dalam Nyanyi Sunyi oleh Amir Hamzah.
8. Setakat manakah eksistensialisme telah berjaya menjadi asas penulisan karya-karya moden di Malaysia dan Indonesia? Secara khusus, nilaiakan pencapaian beberapa buah karya Muhammad Haji Salleh yang bercorak eksistensialis.

-oooo000oooo-

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HLM 402 - Tajuk-Tajuk Di Dalam Teater dan Drama Malaysia

Tarikh: 16 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 Jam)

Jawab LIMA(5) soalan.

1. Tema, plot, stail, dan bahasa harus dilihat dalam satu kesatuan yang cukup padu. Pilih sebuah drama Malaysia dan bincangkan bagaimana kepaduan ini membantu dramatis mencapai tujuannya.
2. Bincangkan penggunaan watak sebagai simbol dalam drama Malaysia pada zaman sandiwara ATAU zaman kontemporari.
3. Drama Malaysia berbahasa Inggeris berperanan sebagai komentar atau protes terhadap isu-isu sosio-politik yang wujud pada tahun 1970-an. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua buah drama.
4. Konsep heriosme itu sering bertukar menurut zaman dan masyarakat. Bagaimanakah drama Malaysia menonjolkan watak Hang Tuah dan Hang Jebat sebagai penggerak kepada perubahan dan keperluan masyarakat.
5. Pernah disebut oleh pengkritik bahawa ilusi merupakan penyakit di dalam teater Malaysia di tahun 70-an. Merujuk kepada tiga buah drama 1970-an cuba menganalisiskan tema ilusi yang terdapat di dalamnya.
6. Beberapa dramatis Malaysia pada tahun 1970-an sengaja menggunakan elemen seni tradisional dalam hasil kreatif mereka. Merujuk kepada beberapa contoh drama Malaysia cuba analisa kenapa mereka berbuat demikian.
7. Berdasarkan contoh-contoh drama, bincangkan setakat manakah drama-drama Malaysia berbahasa Inggeris mencerminkan unsur-unsur tempatan.